

Penterjemah Pintar 2023
19 Mei 2023
Ucapan Puan Rahayu Mahzam

Salutations

Rakan Bahasa 2023 dan guru-guru sekalian.

Para pengadil, ahli-ahli Majlis Bahasa Melayu Singapura, ahli-ahli Jawatankuasa Bulan Bahasa, Presiden 4PM, Encik Nassar Mohamad Zain, ahli Jawatankuasa Penterjemahan Nasional, Encik Sujadi Siswo.

Selamat petang.

Saya sangat teruja melihat penyertaan Rakan-rakan Bahasa dari sekolah rendah dalam pertandingan penterjemahan ini.

Penterjemahan merupakan sebuah kemahiran khusus. Penterjemahan bukan sesuatu yang mudah bagi ramai orang. Apatah lagi jika seseorang itu harus menterjemah sesuatu perkataan, frasa atau ayat dalam masa yang singkat. Pasti amat mencabar. Namun, saya ingin mengucapkan syabas kepada peserta-peserta kita pada hari ini yang berani menyahut cabaran serta tekun menjawab soalan-soalan yang diberikan tadi. Syabas!

Pertandingan Penterjemah Pintar merupakan sebuah usaha untuk memupuk kemahiran berbilang bahasa secara efektif dalam diri anak-anak kita. Ini merupakan sebuah kemahiran yang diperlukan dan berguna dalam dunia kita hari ini. Kepada Rakan-rakan Bahasa kita di sini, saya pasti kebolehan anda untuk menterjemah daripada bahasa Inggeris kepada bahasa Melayu, atau sebaliknya akan memanfaatkan anda semua

Seseorang hanya boleh menterjemah secara berkesan jika seseorang itu membaca secara meluas. Dengan membaca, seseorang itu akan didedahkan kepada pelbagai penggunaan perkataan-perkataan yang berbeza-beza dalam pelbagai konteks. Dengan itu, seseorang itu dapat membuka mindanya, mengembangkan kosa katanya, dan yakin menterjemahkan perkataan-perkataan yang diperlukan. .

Saya pasti guru-guru anda telah mempersiapkan anda dengan baik untuk pertandingan ini. Saya juga pasti anda semua seronok ketika mempersiapkan diri untuk bertanding pada hari

ini. Saya berharap dalam proses mempelajari cara-cara menterjemah, anda tertarik untuk memperdalam pengetahuan tentang bahasa kita. Saya mendorong anda untuk terus meneroka, mempelajari dan mencintai bahasa ibunda kita.

Sebentar lagi, pemenang-pemenang Penterjemah Pintar akan diumumkan. Selamat maju jaya saya ucapkan kepada semua. Untuk mereka yang tidak mara ke pusingan akhir, jangan berasa hampa. Apa yang penting adalah pengalaman dan ilmu yang diraih.

Penterjemah Pintar 2023 tidak dapat dijayakan tanpa sokongan rakan-rakan kerjasama dan anggota Jawatan Kecil Rakan Bahasa.

Izinkan saya untuk merakamkan penghargaan kepada Cikgu Azhar Abdul Rashid, Cikgu Nur Syifaa' Hussin, Saudari Siti Sabarina and Cikgu Elna Hussin yang merupakan tulang belakang bagi acara ini.

Sekalung budi juga diucapkan kepada 4PM kerana bekerjasama dengan kami untuk menjayakan pertandingan ini. Terima kasih kepada Saudara Fadhli Rusydi dan Saudari Nurul Khaulah yang telah bekerjasama dengan Cikgu Azhar Abdul Rashid, Cikgu Nur Syifaa' Hussin dan Saudari Siti Sabarina untuk Menyusun soalan-soalan bagi pertandingan ini.

Terima kasih juga kepada para pengadil, Cikgu Jamalludin Affandi, Cikgu Zulhafiz Zainal, Saudari Siti Sabarina, dan Saudara Fadhli Rusydi.

Setinggi-tinggi penghargaan juga kepada Jawatankuasa Penterjemahan Nasional (NTC) yang telah memberikan sokongan dana untuk Penterjemah Pintar 2023.

Akhir sekali, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Lembaga Perpustakaan Negara (NLB) yang telah menyediakan ruang untuk pertandingan hari ini. Mari kita berikan tepukan untuk mereka.

Tahniah sekali lagi kepada kesemua peserta pada hari ini. Bagi pihak Jawatankuasa Bulan Bahasa, terima kasih saya ucapkan atas penyertaan dan dedikasi guru-guru anda untuk mempersiapkan diri andabagi sebuah pertandingan peringkat nasional sebegini. Saya berharap anda terus menanamkan sikap ingin tahu terhadap bahasa Melayu.

Terima kasih.